

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Allah SWT menjadikan agama Islam sebagai suatu rahmat bagi seluruh manusia. Keamanan, kedamaian dan kemakmuran merupakan cita-cita dan harapan bagi semua orang pada setiap zaman dan tempat. Oleh sebab itu, Allah SWT telah memilih dan mengutus para Nabi dan Rasul untuk mengajak = manusia agar menyembah Allah SWT dan melaksanakan segala syariatNya, sehingga cita-cita dan harapan tersebut dapat dicapai. Antara syariat Allah SWT yang menjadi rukun kelima daripada rukun Islam adalah pensyariatan haji.

Pengertian haji secara *lughawī* bererti menyengaja atau menuju dan mengunjungi. Menurut etimologi bahasa Arab, haji berasal daripada perkataan *hajja*, *yahujju*, dan *hajjan* yang bererti *qaṣd*, yakni tujuan, maksud dan menyengaja. Menurut istilah syarak haji ialah menuju ke Baitullah dan tempat-tempat tertentu untuk melaksanakan amalan-amalan ibadat tertentu pula¹.

Haji di dalam Islam merupakan ibadat *badaniyyah*, iaitu suatu ibadat dari segi jasad yang menepati posisi terpenting dalam bentuk ibadat jasad yang telah dicontohkan oleh Nabi Ibrāhīm dan keluarganya. Ibadat haji bukanlah syariat yang baharu, namun ia merupakan syariat yang telah lama dilaksanakan oleh umat-umat terdahulu sebelum kedatangan Nabi Muhammad SAW.

¹ Lihat: Ahmad Warson Munawir, *al-Munawwir: Kamus Arab-Indonesia* (Yogyakarta: Ponpes Krpyak, 1984), 256; Al-Maqdisī, Shams al-Dīn Abī al-Farj ‘Abd al-Raḥman bin Abī ‘Umar Muḥammad bin Aḥmad, *al-Sharḥ al-Kabīr ‘alā Matn al-Mughnī* (Dār al-Kitāb al-‘Arabī, t.t.), 3:359; Al-Murtaḍā, Aḥmad bin Yahyā, *Tāj al-Madhhab li Aḥkām al-Madhhab* (t.tp.: Dār al-Kitāb al-Islāmī, t.t.), 462; Nogarsyah Moede Gayo, *Pustaka Pintar Haji dan Umrah* (Jakarta: Inovasi, 2003), 30.

Perlaksanaan ibadat haji dalam Islam amat penting sehingga Islam menjadikannya sebagai syarat mutlak untuk menentukan keislaman seseorang. Apabila seseorang telah memenuhi syarat wajib menunaikan ibadat haji, maka ia hendaklah melaksanakan kewajipan tersebut. Jika tidak, Nabi SAW memberikannya dua pilihan sama ada mati dalam keadaan Yahudi atau Nasrani.

Kewajipan menunaikan ibadat haji dalam syariat Islam pada dasarnya merupakan kewajipan individu. Namun pelaksanaannya merupakan sebahagian daripada tugas dan tanggungjawab penguasa atau pemerintah. Pemerintah bertanggungjawab dalam mengatur pelaksanaan haji agar dapat berjalan dengan baik dan tertib. Tanpa usaha tersebut, pemerintah boleh dianggap sebagai tidak bertanggungjawab di dalam pemerintahannya kerana ia telah mengabaikan urusan umat Islam.

Dalam melaksanakan syariat Islam, khususnya ibadat haji, adalah suatu kemestian akan berlaku *ikhtilāf* atau perbezaan pendapat. Hal ini disebabkan sudut pandang yang berbeza dalam mengistinbatkan dalil berupa nas-nas al-Quran dan hadis. Bertitik tolak dari itu justeru muncul pelbagai aliran atau mazhab. Mazhab-mazhab tersebut dinisbahkan kepada orang yang menganjurkannya, misalnya mazhab Syafii, Maliki, Hambali dan Hanafi. Hukum-hukum yang ditetapkan oleh mereka adalah berdasarkan al-Quran, hadis, ijmak dan qiyas. Semuanya merupakan dasar hukum agama dengan tidak sesekali menambah atau mengurangnya. Penetapan itu berdasarkan pemeriksaan dan penyelidikan yang sempurna.

Walaupun sudah diketahui akan kealiman dan kefaqihan mereka dalam permasalahan hukum agama, akan tetapi masih ramai yang mempertikaikannya malah menentang dengan tidak memiliki alasan yang kuat. Padahal dari sudut keilmuan yang dimiliki oleh penentangannya adalah sangat jauh berbeza seperti antara langit dan bumi.

Namun demikian, pertentangan itu sentiasa ada sehingga ke hari ini. Malah ada golongan yang anti dengan mazhab sama sekali.

Isu perbezaan pendapat ini merebak ke seluruh dunia malah tidak terkecuali Indonesia. Daripada empat mazhab yang muktabar di atas, muncul pelbagai bentuk aliran baharu, ada yang masih merujuk kepada mazhab asal, ada yang berupa pengembangan dengan ada penambahan dan pengurangan dari mazhab asal dan ada yang anti mazhab sama sekali. Satu contoh yang paling jelas di Indonesia adalah organisasi PERSIS, yang mana ajaran yang diterapkan dalam organisasi tersebut adalah fahaman *Wahābiyyah*, atau yang serupa dengannya iaitu sama-sama berfahaman anti mazhab.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini bertitik tolak dari perbezaan pendapat mengenai wajib dan haramnya bermazhab. Seterusnya ia telah memberikan kesan terhadap perkara-perkara yang berkait dengan ibadat dan muamalat. Oleh itu, timbul puak-puak atau persatuan-persatuan, seperti Nahḍlatul Ulama (NU), Kementerian Agama (KEMENAG), Persatuan Islam (PERSIS) dan lain-lain.

PERSIS adalah² sebuah persatuan yang menganjurkan fahaman tidak mengikut mana-mana mazhab kepada para pengikutnya dan menganjurkan agar terus merujuk kepada al-Quran dan hadis secara langsung jika menemukan permasalahan di dalam agama. Meskipun kadang-kadang mereka tidak memiliki dasar yang kuat untuk

² Persatuan Islam (Persis) adalah sebuah organisasi Islam di Indonesia yang didirikan pada 12 September 1923 di Bandung. PERSIS didirikan dengan tujuan untuk memberikan pemahaman Islam sebagaimana yang dibawa oleh Rasulullah SAW. PERSIS juga memberikan pandangan berbeza dari pemahaman Islam tradisional yang dianggap sudah tidak asli kerana bercampur dengan budaya tempatan, sikap taklid buta, bidaah, khurafat, musyrik, sikap tidak kritis dan tidak mahu menggali Islam dengan lebih mendalam dengan membuka kitab-kitab hadis yang sahih. Oleh kerana itu, PERSIS melalui para ulamanya seperti Ahmad Hassan Bangil cuba menjelaskan makna Islam sebenar. PERSIS bertujuan untuk memperkenalkan Islam yang hanya bersumberkan al-Quran dan hadis. (Lihat: Info Persatuan Islam, kd.wordpress.com/tag/sejarah-persis).

berijtihad. Dan golongan ini disebut sebagai “mazhab kelima” atau “gerakan anti mazhab.”³

Ahmad Hassan Bandung merupakan seorang pelopor organisasi PERSIS yang berpusat di kota Parahyangan, Bandung. Menurutnya, seorang muslim bila mana sudah mampu (bergantung dengan kefaqihan dalam agamanya), maka harus baginya untuk berijtihad. Sebaliknya jika ia tidak mampu berijtihad haruslah berittibā‘, yakni mengikut orang lain dengan mengetahui dasar pengambilannya dari al-Quran dan hadis.⁴

Alasan A. Hassan mengharamkan perkara bermazhab kerana Allah dan Rasul-Nya, para sahabat dan tabi’in melarang orang muslim untuk bermazhab (bertaklid), termasuk para imam mazhab yang empat dengan keras melarang untuk bermazhab.⁵

KH.A. Wahab Hasbullah ialah salah seorang yang memberikan tanggapan keras terhadap pendapat A. Hassan mengenai masalah taklid. Menurut tokoh Nahdlatul Ulama ini, umat Islam wajib bertaklid kepada salah satu dari empat imam mazhab.⁶

Antara beberapa alasan kuat KH. A. Hasbullah dan pihak yang mewajibkan bermazhab (taklid) adalah; 1) Allah memerintahkan kita bertanya kepada orang yang mengetahui. Dan bertanya kepada orang yang lebih tahu itu ialah untuk diterima pandangan dan nasihatnya, bukan untuk didengar sahaja. Sekiranya taklid tidak dibolehkan, sudah tentu Allah tidak menyuruh kita agar bertanya, malah menyuruh untuk berijtihad; 2) Allah memerintahkan supaya taat kepada *Ulū al-Amr*, iaitu ulama-ulama, sebagaimana kita taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Taat kepada para ulama itu

³ Bey Arifin, “Aliran Baru”, *al-Lisan*, 5 Februari 1940, 12. Lihat: I.N. Soebagijo, *K.H. Masykur Sebuah Biografi* (Jakarta: Gunung Agung, 1982), 21; Choirul Anam, *Pertumbuhan dan Perkembangan Nahdlatul Ulama* (Sala: Jatayu Sala, 1985), 16; Tim Perumus Konsep Sosialisasi Khittah Nahdlatul Ulama PWNU Jawa Timur, *Wawasan Dasar Nahdlatul Ulama* (Surabaya: t.p., 1994), 3.

⁴ Ahmad Hassan Bandung, *Ijmak-Qiyas-Mazhab-Taqlid* (cet. ke-1, Bangil: Lajnah Penerbitan Pesantren PERSIS, 1984), 73-74.

⁵ *Ibid.*

⁶ Tim Perumus Konsep Sosialisasi Khittah Nahdlatul Ulama PWNU Jawa Timur, *Wawasan Dasar Nahdlatul Ulama*, (Jakarta: Departemen Agama, t.t.) 80-88.

tidak lain daripada bertaklid; 3) Rasulullah ada menyuruh untuk bertanya jika tidak mengetahui. Tujuannya adalah untuk diterima jawabannya. Dan ini juga merupakan taklid. 4) Rasulullah ada membenarkan malah menyuruh kita menuruti pendapat salah seorang sahabat. Menuruti sahabat itu tidak lain adalah bertaklid kepada mereka. 5) Rasulullah menyuruh kita mengikuti Sunnah yang dibuat oleh Mu'ādh bin Jabal. Perintah seperti ini merupakan bertaklid.⁷

Perbezaan pendapat di atas memberi impak dan pengaruh yang kuat terhadap corak dan ragam pelaksanaan ibadat di Indonesia. Maka, fenomena ini mencetuskan pembahagian umat Islam itu kepada tiga kelompok, iaitu:

1. Bersikap menutup diri dan tidak berhajat untuk melakukan kajian secara terperinci;
2. Bersikap apati atau tidak mahu mengambil tahu dan tidak mencari penyelesaian;
3. Berusaha melakukan kajian dan mencari penyelesaian serta memilih pendapat mana yang paling kuat.⁸

Oleh itu, untuk melihat sejauh mana perbezaan dan persamaan yang didapati dari permasalahan hukum ibadat haji yang dijalankan oleh Lembaga Kerajaan (KEMENAG) dan Lembaga Swasta (PERSIS), maka perlu kepada jawapan dan kajian yang amat teliti. Atas dasar inilah pengkaji memilih tajuk tesis; **ANALISIS ISU-ISU HUKUM DALAM IBADAT HAJI: KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA PANDANGAN KEMENTERIAN AGAMA (KEMENAG) DAN PERSATUAN ISLAM (PERSIS) DI INDONESIA.**

⁷ *Ibid.*

⁸ Aceng Zakaria, *al-Hidayah Pembahasan Perbedaan-perbedaan Pendapat Dalam Fiqh Beserta Pemecahannya: al-Hidayah fi Masa'il Fiqhiyyah Muta'aridah*, terj. A. Zakaria (cet. ke-1, Jawa Barat: Ibn Azka Press, 2004), 26.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa persoalan yang perlu diambil kira dan menjadi acuan buat pengkaji untuk melakukan penyelidikan mengenai permasalahan hukum haji di KEMENAG dan PERSIS.

1. Wujudnya perbezaan pandangan dalam penentuan hukum haji dalam kalangan mazhab empat yang muktabar.
2. Percanggahan yang ketara antara PERSIS dan KEMENAG dalam meletakkan suatu hukum berkaitan ibadat haji.
3. Perbezaan pegangan KEMENAG dan PERSIS dalam penentuan hukum-hukum ibadat haji.
4. Kecelaruan masyarakat awam dalam memahami perbezaan pendapat antara KEMENAG dan PERSIS berkaitan hukum ibadat haji.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam memastikan kajian ini berjalan dengan lancar dan dipandu dengan sebaiknya, pengkaji telah mensasarkan beberapa objektif untuk dicapai agar kajian ini tidak terkeluar daripada hala tuju yang sebenar. Antara objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Mengetahui pasti sejarah perkembangan penyelenggaraan ibadat haji di Indonesia.
2. Memahami isu-isu hukum kontradiktif dalam pandangan ulama mazhab empat yang muktabar.
3. Mengkaji latar belakang ditubuhkannya KEMENAG dan PERSIS serta pengaruh pelaksanaan hukum di Indonesia.

4. Meneliti bentuk ijtihad dan *ikhtilāf* dalam menetapkan hukum menurut pandangan KEMENAG dan PERSIS.
5. Menganalisis dasar dan sumber pengambilan ijtihad dalam menentukan hukum-hukum ibadat haji oleh KEMENAG dan PERSIS.
6. Menganalisis penetapan hukum dalam hukum-hukum terpilih yang berbeza antara KEMENAG dan PERSIS.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Pentingnya kajian ini dilakukan adalah di atas beberapa sebab, iaitu;

1. Memberikan gambaran fenomena perhajian di Indonesia semenjak zaman penjajahan Belanda, sehingga zaman pra dan pasca kemerdekaan Indonesia.
2. Memberikan maklumat sebenar mengenai dua badan hukum yang cukup ketara perbezaannya dalam pelbagai permasalahan hukum di Indonesia khususnya masalah hukum ibadat haji, iaitu KEMENAG dan PERSIS.
3. Mengetahui dasar pengambilan ijtihad antara KEMENAG dan PERSIS.
4. Mengetahui fenomena sebenar mengenai isu-isu hukum kontradiksi ibadat haji dan perlaksanaannya antara KEMENAG dan PERSIS.
5. Agar terbentuk persefahaman antara KEMENAG dengan PERSIS dalam segala hal terutamanya yang berkait dengan pelaksanaan ibadat haji.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini akan memfokuskan terhadap beberapa perkara penting khususnya berkaitan dengan hukum ibadat haji atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Fokus pertama kajian adalah pengumpulan maklumat yang berkait dengan dasar-dasar *istinbāt* hukum bagi para ulama dalam berijtihad. Proses ini akan memberikan tumpuan terhadap dalil-dalil ‘*aqlī* dan *naqlī*, *ijmā*’ dan *qiyās* ulama mengenai hukum ibadat haji.

Kedua, tumpuan terhadap analisis dalil-dalil tersebut berdasarkan *Fiqh al-Hāj* merujuk kepada kitab-kitab Tafsir al-Quran dan hadis dan kitab-kitab lain yang berkaitan dengan hukum ibadat haji dan juga pendapat-pendapat para ulama. Agar di akhir kajian ini dapat menjana satu pandangan yang jelas tentang metode pengistinbatan hukum ibadat haji dan perlaksanaannya dalam Islam menurut KEMENAG dan PERSIS di Indonesia.

Manakala skop kajian yang ketiga adalah melihat dan menilai pengaplikasian dasar *istinbāt* hukum ibadat haji yang dilaksanakan oleh KEMENAG dan PERSIS di Indonesia. Kaedah penilaian dilakukan melalui kajian lapangan yang menghendaki pengkaji turun padang ke pusat institusi dua lembaga hukum, iaitu KEMENAG yang berpusat di Jakarta dan PERSIS di kota Parahyangan Bandung. Tujuannya adalah untuk mengenal pasti isu-isu hukum kontradiktif ibadat haji tersebut.

Melalui data-data yang dikumpulkan, analisis dijalankan dengan membuat penilaian dan perbandingan kaedah *istinbāt* hukum para ulama mazhab dengan yang dijalankan oleh KEMENAG dan PERSIS. Maka dari itu dapat dikenal pasti akan kecenderungan dan pegangan dua lembaga tersebut dalam pengistinbatan hukum berkaitan ibadat haji. Dan dari perbezaan kecenderungan inilah timbulnya isu-isu hukum kontradiksi ibadat haji.

1.7 KAJIAN LEPAS

Melalui tinjauan dan penelitian yang dijalankan, pengkaji mendapati kajian dan penyelidikan berkaitan dengan hukum ibadat haji telah banyak dilakukan berdasarkan penerbitan bahan-bahan bercetak berbentuk buku, kitab, artikel majalah, akhbar dan kertas kerja khusus dalam tiga bahasa utama iaitu bahasa Melayu (termasuk bahasa Indonesia), Inggeris dan Arab. Walaupun demikian, pengkaji mendapati belum ada kajian khusus yang tertumpu kepada tajuk kajian ini.

1. *Fiqh al-Ḥajj*. Buku ini secara umum membahaskan mengenai perbahasan haji dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Dalam buku ini juga diterangkan mengenai hukum ziarah makam Rasulullah SAW di Madinah, badal haji, sifat haji *wadā'* dan juga soalan-soalan kepada Shaykh mengenai beberapa perkara masalah ibadat haji dan umrah. Akan tetapi perbahasan tersebut tidak secara terperinci dan mendalam.⁹
2. *Al-Mughnī fī Fiqh al-Ḥāj wa al-'Umrah*. Buku ini membahaskan segala isu dan permasalahan berkaitan haji dan umrah secara lengkap dan terperinci. Permasalahan yang ada di dalam buku ini dibahaskan dalam bentuk perbandingan antara mazhab-mazhab fiqh yang masyhur mahupun tidak masyhur mengenai beberapa permasalahan demi menemukan pendapat yang lebih kuat (*al-rājiḥ*).¹⁰
3. *Al-Hajj wa Mamnu'ātuḥu*. Buku ini membahaskan mengenai segala permasalahan berkaitan ibadat haji dan umrah, dan memfokuskan mengenai segala kesalahan-kesalahan yang sering kali berlaku dalam pelaksanaan ibadat tersebut yang boleh menyebabkan terbatalnya ibadat haji yang dilakukan

⁹ Ibn Taymiyyah, Aḥmad bin 'Abd al-Ḥalīm bin 'Abd al-Salām bin 'Abd Allah bin al-Khadr bin Muḥammad bin al-Khadr bin 'Ālī bin 'Abd Allah bin Taymiyyah al-Namīrī al-Harrānī al-Dimashqī, *Fiqh al-Ḥajj*. Ed. Sayyid al-Jamīlī (cet. ke-1. Bairut: Dār al-Fikr al-'Arabī, 1989).

¹⁰ Al-Bashanfar, Sa'īd bin 'Abd al-Qādir, *Al-Mughnī fī al-Fiqh al-Ḥajj wa al-'Umrah* (Bairut: Dār Ibn Ḥazm, 2003).

ataupun tidak tetapi wajib membayar *dam*. Dalam buku ini dibahas mengenai dua sifat larangan dalam ibadat haji iaitu larangan yang bersifat *shar'ī* dan bukan *shar'ī*. Selain itu, perbahasannya juga dikemukakan dalam bentuk perbandingan mazhab-mazhab fiqh mengenai banyak permasalahan untuk menemukan masalah yang lebih kuat dan *rājih*.¹¹

4. *Nafahāt al-Islām min al-Bilād al-Harām*. Buku ini membahaskan secara umum mengenai masalah haji dan hukum-hukum berkaitan dengannya. Isu hukum yang dibincangkan tidak begitu terperinci. Selain itu, buku ini juga membahaskan mengenai perkara-perkara berkaitan pelbagai hal dalam urusan agama yang bersifat umum.¹²
5. *Fatāwā Tata'allaq bi Ahkām al-Ḥajj wa al-'Umrah wa al-Ziyārah*. Buku ini membincangkan fatwa-fatwa berkaitan ibadat haji dalam bentuk soal jawab. Perbahasan dalam buku ini hanya dari satu sudut pandangan sahaja, iaitu fahaman yang mengarah kepada anti mazhab dan tidak dibahas mazhab-mazhab yang lain kecuali mazhab Wahabiah. Adapun perbincangan dalam masalah haji tidak begitu terperinci. Perbincangan dari segi hukum haji, umrah dan ziarah hanya bersifat umum sahaja.¹³
6. *Al-Islām 'Aqīdah wa Sharī'ah*. Buku ini menghuraikan perkara berkaitan ibadat haji, baik tata cara perlaksanaannya, amalan ibadat haji, dan yang lebih menarik dari huraian buku ini adalah sejarah haji sebelum Islam. Dijelaskan pula bahawa sebagai ibadat haji merupakan ibadat khas, dalam perlaksanaannya diperlukan ketulusan hati dan niat yang kuat kerana tidak hanya melibatkan fizikal, tetapi juga wang dan keamanan dalam perjalanan. Umat Islam yang memiliki

¹¹ Khalaf Muḥammad, 'Abd al-Jawwād, *al-Ḥajj wa Mamnu'ātuhu* (Mesir: Dār al-Dawliyyah al-Thaqāfiyyah, 2008).

¹² 'Alawī bin 'Abbās al-Mālikī al-Ḥasanī, *Nafahāt al-Islām min al-Balad al-Ḥaram*. (cet. ke-1, Bairut: al-Maktabah al-'Ash'ariyyah, 2008).

¹³ Ibn Bāzz, 'Abd al-'Azīz bin 'Abd Allah, *Fatāwā Tata'allaq bi Ahkām al-Ḥajj wa al-'Umrah wa al-Ziyārah* (cet. ke-4, Kerajaan Arab Saudi: Menteri Agama dan Ketua Majlis Tertinggi Agama Islam, 1420).

kesanggupan untuk menunaikan ibadat haji, dilakukan pada waktu tertentu dan tempat yang tertentu pula, berdasarkan perintah Allah SWT., serta petunjuk dari Nabi Muhammad SAW.¹⁴

7. *Al-Mukhālafāt al-‘Aqdiyyah al-Muta‘alliqah bi al-Ḥāj wa al-‘Umrah*. Buku memfokuskan sekitar masalah kesilapan dari sudut aqidah dalam pelaksanaan ibadat haji, baik sebelum sampai di Makkah, semasa di Tanah Haram dan setelah selesai menunaikan ibadat haji dan umrah.¹⁵
8. *Kumpulan Keputusan Sidang Dewan Hisbah Persatuan Islam (PERSIS) Tentang Akidah dan Ibadat*, yang disusun oleh Ustaz Wawan Shofwan Shalehuddin, diterbitkan pada tahun 2008 oleh percetakan Persis Pers. Buku ini merupakan kumpulan fatwa-fatwa berkaitan dengan aqidah dan ibadat, dan juga merupakan pegangan bagi jemaah PERSIS. Menyentuh masalah ibadat, dalam buku ini juga dibahaskan pelbagai masalah tertentu mengenai ibadat haji, terutama sekali perkara-perkara yang menjadi isu dan kontroversi bagi fahaman lain yang bersifat umum. Buku ini merupakan kumpulan fatwa dalam fahaman PERSIS yang bersifat umum, perbincangan mengenai hukum haji sebahagian kecil dari perbahasan dalam buku tersebut walaupun ianya perkara yang diperpegangi oleh pengikut fahaman tersebut.¹⁶
9. *Hasan Bandung Pemikir Islam Radikal* (Shafiq Mughni, 1994). Buku ini membentangkan mengenai sejarah PERSIS semenjak mula penubuhannya dan aktiviti gerakan pemikirannya pada masa A. Hassan. Peranan PERSIS dalam Parti MASYUMI (Majlis Syura Muslimin Indonesia), pertikaian dengan Nahdlatul Ulama, negara Islam dan darul Islam serta pertikaian antara PERSIS

¹⁴ Al-Shaltūt, Mahmūd, *al-Islām: ‘Aqīdah wa Shari‘ah* (t.tp.: Dār al-Qalam, 1966).

¹⁵ Al-Mazid, Ahmad ‘Uthman (2011), *al-Mukhālafah al-‘Aqdiyyah al-Muta‘alliqah bi al-Hajj wa al-‘Umrah*. C. 1. Riyad: Midar al-Watan..

¹⁶ Wawan Shofwan Shalehuddin, *Kumpulan Keputusan Sidang Dewan Hisbah Persatuan Islam (Persis) Tentang Akidah dan Ibadah* (Bandung: Persis Pers, 2008).

dengan kaum sekular antara beberapa perkara yang menjadi perbincangan penting dalam buku ini.¹⁷

10. *Naik Haji di Masa Silam: Kisah-kisah Orang Indonesia Naik Haji*. Buku ini berusaha memberikan informasi perjalanan haji yang dilakukan masyarakat Nusantara masa silam, serta menggambarkan dinamika budaya haji dari semasa ke semasa. Secara umum, informasi yang dihadirkan buku ini berdasarkan pada pengalaman orang-orang yang pernah ke Tanah Suci, baik untuk menunaikan ibadat haji, mahupun kegiatan lain yang berkait seperti ziarah ke tempat-tempat bersejarah. Buku ini lebih memandang dari sudut sejarah pelaksanaan ibadat haji dalam dunia Islam ataupun sebelum Islam, terutama di Indonesia. Buku ini tidak membahas perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum ibadat haji tetapi bersifat analisis sejarah.¹⁸

11. *Historiografi Haji Indonesia* (M. Shaleh Putuhena, 2007). Buku ini memfokuskan sekitar sejarah haji dalam Islam dan perhajian Indonesia. Hasil kajiannya mendapati bahawa sejarah pelaksanaan ibadat haji yang dihuraikan dalam kajian ini masih bersifat umum dan bukan kajian analisis terhadap suatu masalah hukum pada suatu jabatan atau badan tertentu. Ia juga bukan sebuah kajian perbandingan.¹⁹

12. *Metode Kajian Hukum Dewan Hisbah PERSIS*. Buku ini memfokuskan masalah kajian hukum yang dikembangkan oleh Dewan Hisbah PERSIS. Kajian ini cuba melihat kembali produk-produk hukum Islam yang dikeluarkan oleh PERSIS dan sejauh mana peranan serta sumbangannya dalam pembinaan hukum Islam.²⁰

13. *Hukum Islam di Indonesia*. Buku ini memfokuskan pada masalah hukum Islam di Indonesia dalam perspektif Muhammadiyah dan Nahdlatul Ulama. Dalam

¹⁷ Syafiq Mughni, *Hasan Bandung Pemikir Islam Radikal* (Surabaya: Bina Ilmu, 1994).

¹⁸ Henri Chambert-Loir, *Naik Haji di Masa Silam: Kisah-kisah Orang Indonesia Naik Haji* (cet. ke-1, Jakarta: Gramedia, 2013).

¹⁹ M. Shaleh Putuhena, *Historiografi Haji Indonesia* (cet. ke-1, Yogyakarta: LKiS, 2007)

²⁰ Dede Rosyada, *Metode Kajian Hukum Dewan Hisbah PERSIS* (Jakarta: Logos, 1999).

buku ini juga membicarakan *manhāj istinbāt* hukum yang dilakukan oleh Muhammadiyah dan Nahdlatul Ulama sehingga akhirnya dapat menghasilkan produk hukum yang menjadi pegangan masing-masing fahaman tersebut.²¹

14. *Manajemen Pelayanan Haji di Indonesia*. Fokus pembicaraan dalam buku ini adalah membicarakan perkara yang berkaitan dengan manajemen pelayanan haji dipelbagai negeri di Indonesia, serta pelbagai persoalan yang timbul dalam penyelenggaraan tersebut, sehingganya memerlukan langkah-langkah positif untuk menyelesaikannya.²²

15. *Perayaan Mekah*. Fokus perbincaran dalam buku ini adalah mengenai sejarah pelaksanaan ibadat haji baik pada masa Nabi Muhammad SAW sehingga masa pemerintah Hindia Belanda di Indonesia. Buku ini juga menghuraikan secara detail mengenai kedudukan ibadat haji dalam Islam, persiapan untuk melaksanakan haji, serta upacara-upacara yang dilakukan jemaah di Makkah, serta hakikat ibadat haji. Walaupun demikian, perbincangan hukum ibadat haji dalam buku ini bersifat umum dan bukan merupakan kajian perbandingan dari pelbagai-bagai pendapat ulama mazhab.²³

16. *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia Abad Ke-19*. Dalam buku ini dihuraikan kedudukan pemerintah Hindia Belanda mengenai pelaksanaan ibadat haji, serta data-data jumlah masyarakat Indonesia menunaikan ibadat haji, terutama sekitar abad ke-19. Buku ini menjelaskan transport haji, karantina, dan fungsi konsul jenderal Belanda di Jeddah. Buku ini nampaknya lebih menumpukan kepada perbahasan sejarah pelaksanaan ibadat haji di Indonesia,

²¹ Rifyal Ka'bah, *Hukum Islam di Indonesia* (Jakarta: University Yasri, 1999).

²² Imam Syaokani, *Manajemen Pelayanan Haji di Indonesia* (cet. ke-1, Jakarta: Puslitbang Kehidupan Keagamaan, 2009).

²³ Snouck Hurgronje, *Perayaan Mekah* (t.tp.: Indonesia Netherlands Cooperation in Islamic Studies (INIS), t.t.).

baik ketika jemaah haji masih di Indonesia mahupun setelah berada di tanah suci.²⁴

17. *Manajemen Haji*. Buku ini secara mendalam mengkaji secara akademik praktikal pelaksanaan ibadat haji. Penyelenggaraan ibadat haji oleh pemerintah menekankan pada pelayanan. Pemerintah harus benar-benar menjadi pelayan umum atau *public service*. Sebab merekalah pelaku utama yang menentukan berhasil atau tidaknya penyelenggaraan haji di Indonesia. Buku ini lebih menumpukan perbincangan dalam bidang bimbingan dan layanan ibadat haji bagi para jemaah.²⁵

18. *Pedoman Islam di Indonesia*. Salah satu bahagian penting dari buku ini mengenai masalah haji adalah huraian mengenai hikmah, aspek-aspek penyelenggaraan ibadat haji. Disebutkan bahawa salah satu hikmah ibadat haji itu adalah tempat bertemunya umat Islam dari segenap penjuru dunia dengan satu tujuan, iaitu berkumpul di kota Makkah dan Arafah untuk beribadat kepada Allah SWT. Hal ini membawa rasa kemanusiaan, dan menghilangkan perbezaan, kebangsaan, kesukuan dan perbezaan wa Jakarta: Bulan Bintang, 1984rna kulit serta bahasa. Belum pernah ada suatu ibadat dari agama selain Islam yang mempunyai pengaruh besar seperti ibadat haji ini. Jadi perbincangan dalam buku ini menumpukan perkara yang berkaitan dengan aspek penyelenggaraan ibadat haji dan hikmahnya.²⁶

19. *Soal – Jawab Tentang Berbagai Masalah Agama*. Buku ini memfokuskan pelbagai persoalan dalam urusan agama termasuk masalah ibadat haji menurut

²⁴ Karel A. Steenbrink, *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia Abad ke-19* (Jakarta: Bulan Bintang, 1984).

²⁵ Ahmad Nidjam dan A. Latif Hanan, *Manajemen Haji* (Jakarta: Penerbit Mediacita, 2006).

²⁶ Hasbullah Bakry, *Pedoman Islam di Indonesia* (Bandung: Karisma, t.t.).

fahaman PERSIS, dan tidak menyentuh masalah perbandingan dengan fahaman lain yang tidak sehaluan dengan mereka.²⁷

20. *The Haddj: Some of Its Features and Function In Indonesia*. Buku ini memfokuskan masalah analisis dan interpretasi beberapa faktor yang berpengaruh terhadap haji, seperti faktor politik dan ekonomi. Dalam artikel ini diuraikan pengaruh haji terhadap persoalan ekonomi terutamanya di Hijaz dan syarikat yang berkaitan dengan penyelenggaraan haji. Dalam sejarah haji di Indonesia, keadaan ekonomi pada masa itu sangat mempengaruhi keadaan pelaksanaan ibadat haji terutama dari segi layanan dan perkhidmatan, perkara tersebut menjadi tumpuan perbincangan dalam buku tersebut.²⁸

21. *Menyorot Ijtihad Persis*. Buku ini memfokuskan tentang peranan dan pengaruh ijtihad PERSIS dalam pembinaan hukum Islam di Indonesia, terutama dalam proses lahirnya perundangan tersebut. PERSIS adalah sebuah badan dakwah yang mempunyai pengaruh yang cukup kuat bagi pembentukan hukum Islam di Indonesia, kerana mereka mempunyai metode dan manhaj tersendiri dalam menetapkan hukum Islam, jadi buku ini memberikan penekanan dari aspek peranan PERSIS bagi pembentukan hukum Islam di Indonesia.²⁹

Selain yang disebutkan di atas, terdapat beberapa buah tesis dan kertas kerja:

Kajian oleh Nizār Maḥmūd Qāsim al-Shaykh yang bertajuk “*al-Mawāqit al-Zamāniyyah wa al-Makāniyyah li al-Ḥāj wa al-‘Umrah wa Ziyārah al-Madīnah al-Munawwarah Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah*,” memfokuskan masalah perbandingan

²⁷ Hassan Bandung, Ahmad, *Soal Jawab Tentang Berbagai Masalah Agama* (c. ke-15. Bandung: CV Penerbit Diponegoro, 2007)

²⁸ Jacob Vrendenbregt, “The Haddj,” dalam *Anthropologica III*. (S. Gravenhage: Martinus Nijhoff, 1962).

²⁹ Uyun Kamiluddin, *Menyorot Ijtihad Persis: Fungsi dan Peranan dalam Pembinaan Hukum Islam di Indonesia* (cet. ke-1, Bandung: Tafakur, 2006).

dari sudut perkara yang berkaitan dengan tempat mengambil *miqāt* dan waktu dibenarkannya mengambil *miqāt* bagi jemaah haji dan umrah.³⁰ Nampaknya Nizār Maḥmūd hanya menumpukan satu masalah sahaja dalam ibadat haji iaitu masalah *miqāt makānī* dan *miqāt zamānī* bagi jemaah haji dari aspek perbandingan ulama, akan tetapi tesis ini pengkaji lebih luas dalam menjabarkan pelbagai isu hukum ibadat haji dari segi pendapat dengan ulama mazhab dan menurut pandangan KEMENAG dan PERSIS dengan menggunakan metode perbandingan dan analisis.

Kajian oleh M. Hudi Asrori S yang bertajuk “*Rekonstruksi Kebijakan Penyelenggaraan Ibadah Haji Dalam Konteks Perlindungan Hukum Terhadap Kepentingan Jamaah Haji,*” memfokuskan masalah keputusan pemerintah dalam memberikan jaminan perlindungan hukum terhadap kepentingan jemaah haji, dan langkah-langkah penting yang patut dilakukan oleh pemerintah agar supaya keputusan pemerintah tersebut dapat memberikan jaminan perlindungan hukum terhadap kepentingan jemaah haji, dan juga perbaikan penyelenggaraan ibadat haji yang dapat memberikan perlindungan hukum kepentingan jemaah haji.³¹ M. Hudi Asrori S dalam kajiannya lebih menekankan kepada masalah aturan atau ketetapan pemerintah dalam memberikan jaminan perkhidmatan terhadap jemaah sehingga mereka benar-benar merasa aman dan nyamana dalam proses pelaksanaan ibadat haji, berbeza dengan dengan tesis ini pengkaji menyentuh dari aspek hukum pelaksanaan ibadat haji menurut pandangan ulama mazhab dan pandangan KEMENAG dan PERSIS di Indonesia. Dan hubungan kajian ini dengan kajian sebelumnya adalah dengan adanya tanggungjawab pemerintah dalam hal ini KEMENAG dalam menetapkan hukum ibadat

³⁰ Qāsim al-Shaykh, Nizar Maḥmūd (2007), “*al-Mawāqīt al-Zamāniyyah wa al-Makāniyyah li al-Hāj wa al-‘Umrah wa Ziyārah al-Madīnah al-Munawwarah Dirāsah Fiqhiyyah Muqāranah*” (Tesis PhD, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Jāmi’ah Islāmiyyah Kuwait).

³¹ M. Hudi Asrori S, “*Rekonstruksi Kebijakan Penyelenggaraan Ibadah Haji Dalam Konteks Perlindungan Hukum Terhadap Kepentingan Jamaah Haji*” (Tesis PhD, Jabatan Hukum, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Diponegoro Semarang, 2011).

haji sesuai dengan tuntunan al-Quran dan sunnah maka akan dapat memberikan keyakinan dan kenyamanan kepada para jemaah dalam menunaikan ibadah haji tersebut.

Kajian oleh M. Awaludin Luckman yang bertajuk “*Penyelenggaraan Haji di Indonesia Dalam Kaitannya Dengan Undang-Undang Mengenai Larangan Praktek Monopoli dan Persaingan Usaha Tidak Sehat*”, menfokuskan peran serta pemerintah dan ketetapan-ketetapan yang dikeluarkan dalam rangka penyelenggaraan haji di Indonesia, masalah monopoli pemerintah dalam penyelenggaraan ibadah haji. Dan membicarakan masalah sejarah pelaksanaan haji di Indonesia. Dan juga membicarakan masalah undang-undang yang mengatur penyelenggaraan haji dan kaitannya dengan undang-undang anti monopoli.³² Jikalau M. Awaludin Luckman dalam kajiannya lebih menekankan masalah aturan atau undang-undang yang ditetapkan oleh pemerintah terhadap tatacara penyelenggaraan ibadah haji, maka ini pula pengkaji lebih menekankan mengenai hukum pelaksanaannya dalam Islam dengan melihat pelbagai pendapat para ulama dan pandangan KEMENAG dan PERSIS. Dari sudut persamaan tesis ini dengan tesis sebelumnya adalah sama membicarakan aturan atau ketetapan, jika pemerintah mengeluarkan aturan penyelenggaraanya, maka pendapat ulama dengan bersandarkan kepada Allah dan rasul-Nya menetapkan hukum pelaksanaannya, jika pemerintah dapat memberikan perlindungan dan kenyamanan kepada para jemaah maka ketetapan hukum Allah akan memberikan keyakinan dan ketenangan dalam jiwanya.

Kajian oleh Herry And Gaffar Mkes yang bertajuk “*Manajemen Kesehatan Haji Berfokus Pengelolaan Faktor Risiko*” mendapati pengaruh faktor resiko terhadap kematian jemaah haji Indonesia dalam setiap penyelenggaraan haji. Dalam disertasi ini, Herry menemukan sejumlah hal baharu. Misalnya, lanjut usia (lansia) adalah salah satu dari kondisi kesihatan berpotensi risiko sebagai faktor risiko internal (FRI) iaitu

³² M. Awaludin Luckman, “*Penyelenggaraan Haji di Indonesia Dalam Kaitannya Dengan Undang-Undang Mengenai Larangan Praktek Monopoli dan Persaingan Usaha Tidak Sehat*”, (Tesis PhD, Jabatan Hukum, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Indonesia Jakarta, 2009).

penyakit semula jadi yang diderita oleh jemaah semenjak di tanah air. Penyakit semula jadi ini akan semakin bertambah oleh kerana aktiviti fizikal yang berlebihan sehingga menimbulkan kelelahan tubuh yang disertai dengan ketegangan jiwa. Inilah yang dijangkakan paling utama penyebab kematian jemaah khususnya setelah berada di Makkah.³³ Kesimpulannya dari kajian ini adalah Herry Darsim Gaffar Mkes lebih memandang dari sudut kesihatan jasmani, sementara tesis ini pengkaji lebih menekankan masalah kesihatan rohani atau mental iaitu dengan adanya kefahaman yang memadai mengenai hukum perlaksanaan ibadat haji maka akan memberikan kesihatan pada rohaninya iaitu keyakinan dan ketenangan. Kerana tesis ini membicarakan banyak hal mengenai isu-isu hukum ibadat haji sehingga dengan berbekalkan kefahaman yang mantap akan menambahkan lagi keyakinan dan ketenteraman dalam jiwanya.

Kajian oleh Evi Andriani Lutfiyah yang bertajuk “*Studi Istinbat Hukum Fatwa Majelis Ulama Indonesia (MUI) Cabang Surabaya Tentang Keharaman Dan Kemubahan Vaksin Meningitis Bagi Para Jemaah Haji Atau Umrah*” mendapati bahawa dasar keharaman dan kemubahan pada *istinbāt* yang dilakukan oleh MUI pertama sekali menggunakan dasar al-Quran, hadis, ijmak. Kemudian metode yang dipakai oleh MUI dengan menggunakan kaedah usul fiqh, meninjau pendapat para imam mazhab mengenai masalah yang akan difatwakan tersebut, dari hasil fatwa MUI itu sendiri yang sudah disepakati lebih dahulu, dan menggunakan pandangan ahli dalam bidang masalah yang akan dibahas dan diambil keputusan fatwanya dipertimbangkan. Kemudian MUI kembali mengistinbatkan dengan pertimbangan adanya *darūrah*, *rukḥṣah* dan *maqāṣid al-sharī’ah*, maka *istinbāt* yang kedua menetapkan hukum kemubahan pada penggunaan vaksin meningitis bagi para jemaah haji wajib/nadzar atau umrah wajib/nadzar dan para petugas haji, selain daripada mereka, hukum vaksin

³³ Herry Darsim Gaffar Mkes, “Manajemen Kesehatan Haji Berfokus Pengelolaan Faktor Risiko”, (Tesis PhD, Fakultas Kedokteran, Universiti Hasanuddin (UNHAS) Makassar, 2011).

meningitis tetap haram. Dasar yang digunakan dalam penetapan hukum keharaman dan kemubahan adalah sama, akan tetapi pada kedua dasar hukum dan metode yang dipakai oleh MUI mempunyai perbezaan pada *'illāt* hukumnya *ta' līl al-Aḥkām*.³⁴ Dalam kajian ini Evi Andriani Lutfiyah membicarakan salah satu isu dalam ibadat haji iaitu menggunakan vaksin meningitis hukumnya mubah bagi para jemaah dan petugas jemaah haji atas dasar darurat, rukhsah dan maqasid shari'ah. Ertinya kajian ini lebih menekankan kepada perkara kesihatan jasmani selama berada di Tanah Suci, sementara tesis ini pengkaji menekankan dari segi isu hukum pelaksanaan ibadat haji yang berbeza dikalangan para ulama atau pandangan KEMENAG dan PERSIS. Namun kedua-dua tesis ini bertujuan yang sama iaitu agar ibadat haji yang dilaksanakan memenuhi harapan bagi para jemaah untuk mendapatkan haji yang mabrur.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Kamariah Muhammad Noor dengan tajuk, "*Sumbangan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) Kepada Masyarakat Islam di Malaysia*," mendapati Lembaga Tabung Haji (LUTH) masih banyak menghadapi masalah-masalah yang memerlukan penyelesaian. Antaranya LUTH tidak dapat memenuhi kesemua harapan jemaah yang memerlukan perkhidmatan kerana kemampuan yang terhad, sering berlaku kekeliruan ibadat haji dalam kalangan para jemaah khususnya dalam hukum-hakam, kurangnya sikap kesedaran dalam kalangan para jemaah dalam menanggapi masalah tarbiyah yang menyeluruh dari konsep ibadat haji dan kefardhuannya.³⁵ Kajian yang dilakukan oleh Kamariah Muhammad Noor ini ada persamaannya dengan tesis ini, iaitu dari segi isu hukum ibadat haji, oleh kerana lemahnya kefahaman para jemaah dalam memahami hukum-hakam pelaksanaan ibadat haji maka berlaku kekeliruan dalam ibadatnya, akan tetapi perbezaan tesis ini

³⁴ Evi Andriani Lutfiyah, "*Studi Istinbat Hukum Fatwa Majelis Ulama Indonesia (MUI) Cabang Surabaya Tentang Keharaman Dan Kemubahan Vaksin Meningitis Bagi Para Jemaah Haji Atau Umrah*", (Tesis PhD, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, 2010).

³⁵ Kamariah Binti Mohd Noor, "*Sumbangan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) Kepada Masyarakat Islam di Malaysia*" (Tesis MA, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 10 Mac 1989).

dengan kajian yang sebelumnya iaitu pengkaji menekankan perbincangan mengenai isu-isu hukum ibadat haji dengan perbincangan yang lebih luas dan terperinci menurut pendapat para ulama dan pandangan KEMENAG dan PERSIS di Indonesia.

Kajian yang dilakukan oleh Wan Yusnita Wan Yusof dengan tajuk “*Peranan Lembaga Tabung Haji dalam Pengurusan Bakal-bakal Haji dan Masalah-masalahnya,*” memfokuskan masalah hal ehwal urusan haji ketika jemaah masih di Malaysia ataupun setelah berada di Arab Saudi.³⁶ Nampaknya Wan Yusnita dalam kajiannya lebih menekankan kepada masalah kepengurusan dan layanan. Sementara tesis ini pula pengkaji menekankan dari aspek hukum ibadat haji dan perlaksanannya. Hubungan kedua tesisnya adalah kajian yang dilakukan memiliki tujuan yang sama iaitu agar supaya jemaah haji mendapatkan keamanan dan kenyamanan dalam penyelenggaraannya, dan keyakinan serta ketenangan dalam ibadatnya, sehingga tujuannya tercapai iaitu haji yang mabrur.

Kesimpulannya, kajian yang dijalankan adalah berbeza dengan kajian-kajian sebelumnya adalah daripada skop dan penekanan kajian. Kajian ini lebih memfokuskan kepada persoalan penetapan hukum-hukum berkaitan ibadat haji di antara dua badan hukum iaitu KEMENAG dan PERSIS.

Kajian ini memberi tumpuan secara terperinci terhadap apa jua elemen yang mempengaruhi dan mendasari perbezaan hukum antara dua badan tersebut.

³⁶ Wan Yusnita Binti Wan Yusof, “Peranan Lembaga Tabung Haji Dalam Pengurusan Bakal-Bakal Haji Dan Masalah-Masalahnya” (Tesis MA, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 20 Mac 1999).

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Kaedah penyelidikan bermaksud ilmu mengenai tata cara mengadakan penyelidikan.³⁷ Kaedah berasal daripada bahasa Yunani, iaitu *metode* yang bererti cara dan *logos* yang bererti ilmu. Kaedah memainkan peranan yang penting kerana ia merupakan cara untuk memahami sasaran penelitian.³⁸ Menurut Sutrisno Hadi, kaedah penyelidikan adalah cara ilmiah yang digunakan untuk melaksanakan penyelidikan. Sedangkan penyelidikan adalah usaha untuk menemukan, mengembangkan dan menguji kebenaran sesuatu pengetahuan yang dilaksanakan dengan menggunakan kaedah-kaedah ilmiah.³⁹

Suatu penelitian akan tinggi mutunya apabila kaedah-kaedah yang digunakan sesuai dan menepati objek kajian dan tujuan penyelidikan. Kajian ini tidak bermaksud untuk menguji suatu hipotesis mahupun teori tertentu. Melainkan ianya merupakan suatu usaha pengkaji ke arah menemukan pemahaman baharu mengenai fenomena yang dikaji. Cara kerja dalam penelitian ini bersifat subjektif kepada objektif dan induktif kepada deduktif.⁴⁰ Dalam penyelidikan ini, peneliti sebagai instrumen utama, bergerak daripada perkara-perkara yang khusus, daripada suatu tahap kepada tahap berikutnya, sehinggalah akhirnya dapat ditemukan beberapa kesimpulan. Oleh yang demikian, pendekatan dalam penelitian ini ialah pendekatan *kualitatif natural*.

Mengikuti Bogdan, pendekatan *kualitatif natural* merupakan pendekatan penelitian yang menghasilkan data deskriptif yang berupa kata-kata bertulis atau lisan daripada orang-orang yang diamati.⁴¹ Penyelidikan *kualitatif* lebih berupa kata-kata berbanding angka. Oleh itu, pengkaji memusatkan perhatian pada ucapan dan tindakan

³⁷ Imam Bernabib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan* (Yogyakarta: Yayasan Penerbit FIP-IKIP, 1982), 51.

³⁸ Koentjaraningrat, *Metode-metode Penelitian Masyarakat* (cet. ke-11, Jakarta: Gramedia, 1991), 16.

³⁹ Sutrisno Hadi, *Kaedahologi Riset Jilid I-II* (Yogyakarta: Andi Offset, 1989), 4.

⁴⁰ Lecomte dan Goets, *Ethnography and Qualitative design in Education Research* (London: Academic Press Inc, 1984), 4-7.

⁴¹ Bogdan dan Taylor, *Introduction to Qualitative Research in Education: A Phenomenological approach to social science* (New York: John Wiley, 1975), 5.

objek penyelidikan serta keadaan yang dialaminya dengan mengharapkan pada hasil kajian perpustakaan, observasi atau pengamatan, dokumentasi, soal selidik dan temu bual.

Antara metode⁴² kajian ini ialah seperti berikut:

1. Metode penentuan subjek
2. Metode pengumpulan data
3. Metode analisis data

1. Metode Penentuan Subjek

Menurut Kenneth D. Balley, penentuan subjek ialah kelompok orang atau benda yang hendak dikaji. Maka, metode ini bermaksud bagaimana cara sesuatu benda yang hendak dikaji itu ditentukan secara khusus.⁴³

Untuk menentukan subjek penyelidikan, pengkaji telah menggunakan teknik *sampling*, iaitu pengkaji memilih dua lembaga Islam, iaitu KEMENAG dan PERSIS sebagai contoh kajian dan memilih aspek *hukum kontrakdiktif* antara dua organisasi tersebut sebagai objek utama. Dengan persampelan yang dipilih ini diharapkan dapat memenuhi objektif kajian yang telah digariskan.

2. Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data digunakan untuk mengumpulkan bahan-bahan dan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini. Data merupakan maklumat yang dikumpulkan dan dianalisis dalam sesuatu kajian.⁴⁴ Melalui metode ini, pengkaji telah

⁴² Metode (Yunani: *methodos*) adalah cara atau jalan. Sehubungan dengan upaya ilmiah, maka metode berkait dengan masalah cara kerja; iaitu cara kerja untuk dapat memahami objek yang menjadi sasaran ilmu yang bersangkutan. (Lihat: Koentjaraningrat, *Metode-metode Penelitian*, 7).

⁴³ Kenneth D. Balley, (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*, terj. Hashim Awang (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984), 121.

⁴⁴ *Ibid.*, 765

menggunakan dua kaedah penyelidikan iaitu penyelidikan perpustakaan (*library research*) dan penyelidikan lapangan (*field research*).

a. Kajian Perpustakaan (*library research*)

Kajian perpustakaan ialah penyelidikan yang dilakukan untuk mendapatkan dan menghimpun data-data dalam bentuk dokumen yang berkaitan dengan topik kajian.

Dalam metode ini, pengkaji merujuk dan mengumpulkan data-data dan maklumat dari pelbagai bahan bertulis yang merangkumi kitab lama dan baharu, manuskrip, kertas kerja, tesis, jurnal, akhbar, majalah, ensiklopedia, laporan bertulis, laman web dan sebagainya.⁴⁵ Penyelidikan perpustakaan ini menjadi maklumat asas kepada landasan hasil kajian.

Perpustakaan yang digunakan untuk tujuan ini adalah Perpustakaan STAIN “Sunan Gunung Jati” Bandung-Indonesia, Perpustakaan UNISBA “Universiti Islam Bandung” Indonesia, Perpustakaan STAIN “Syarif Hidayatullah” Jakarta-Indonesia, Perpustakaan STAIN “Raden Intan” Lampung-Indonesia, Perpustakaan Umum KEMENAG pusat Jakarta-Indonesia, Perpustakaan Umum Jabatan Agama Provinsi Lampung-Indonesia, Perpustakaan Daerah Lampung-Indonesia, Perpustakaan Nasional-Indonesia, Perpustakaan Utama Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Peringatan Zaaba Universiti Malaya, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Islam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Wilayah Persekutuan dan beberapa buah perpustakaan lainnya di kawasan pengkaji.

⁴⁵ Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 259; J. Francis Rumel, *An Introduction to Research in Education* (cet. ke-2, New York: Harper dan Row Publisher, 1964), 59.

Kaedah ini akan banyak digunakan dalam menghuraikan landasan teori, terutama mengenai permasalahan isu-isu hukum dalam ibadat haji di kalangan para imam-imam mazhab dalam bab 2, 3, 4 dan 5.

b. Kajian Lapangan (*field research*)

Metode penyelidikan lapangan (*field research*) pula melibatkan beberapa kaedah kajian yang lain seperti:

i. Metode Pemerhatian (*observation method*).

Dalam kajian kualitatif, pemerhatian (*observasi*) merupakan kaedah yang asas dan mustahak yang mampu membuka secara kritis terhadap masalah-masalah yang dikaji. Ianya digunakan untuk menyelidik hubungan yang kompleks dalam latar penelitian sosial.⁴⁶

Secara lebih mendalam kaedah penelitian ini digunakan untuk memperoleh data mengenai latar belakang penubuhan institusi KEMENAG dan PERSIS, dan sejarahnya. Kaedah ini penting untuk menilai dan menganalisis pegangan aqidah dan keyakinannya kepada yang Maha Kuasa dan juga syariah yang menjadi pegangan hukum-hakam di kedua-dua institusi tersebut. Selain itu, kaedah ini juga digunakan untuk mengamati keadaan bimbingan ibadat haji yang dilaksanakan dan juga perkara-perkara berkaitan hukum-hakam yang kontradiksi antara kedua institusi tersebut dalam pelaksanaan ibadat haji.

⁴⁶ Observasi ialah kajian yang disengaja dan sistematik tentang fenomena sosial dan gejala-gejala alam dengan jalan pengamatan dan pencatatan. (Kartini Kartono, *Pengantar Metodologi Riset Sosial* (cet. ke-6, Bandung: Mandar Maju, 1990), 157; Marshal, Kathrine dan Rosman, *Design Qualitative Research* (California: Sage Publication, 1995), 80).

Pengamatan ini dilakukan dengan dua cara, iaitu pemerhatian secara langsung (*participant observation*) dan secara tidak langsung (*non participant observation*).

1) Pemerhatian secara langsung

Pemerhatian secara langsung adalah di mana pengkaji terlibat secara langsung dan intensif dengan aktiviti yang dijalankan semasa menjalani latihan amali di lembaga tersebut. Maklumat yang diperoleh daripada pemerhatian tersebut dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan gambaran sebenar mengenai pelaksanaan hukum dan sistem bimbingan ibadat haji di KEMENAG dan PERSIS.

2) Pemerhatian tidak langsung

Adapun pemerhatian secara tidak langsung bermaksud, pengkaji melakukan pemerhatian terhadap kegiatan institusi KEMENAG dan PERSIS dari jarak yang agak jauh. Ertinya tidak terlibat secara langsung terhadap keutuk menghuraikan perbahasan dalam bab 5.

ii. Metode Temubual (*interview metod*).

Interview ialah percakapan dengan bertatap muka dengan tujuan memperoleh *informasi factual*, untuk menaksir dan menilai keperibadian individu, atau untuk tujuan-tujuan kaunseling/penyuluhan, atau tujuan *therapeutis*.⁴⁷

Kaedah temubual digunakan kerana ia mempunyai beberapa kelebihan. Mengikut Gall dan Borg, kelebihan utama temubual ialah penyelidik boleh membina hubungan baik dengan peserta untuk mendapatkan maklumat lanjut dan

⁴⁷ Kartini Kartono, *Pengantar Metodologi Riset Sosial*, 187.

lebih mendalam serta boleh menjelaskan sebarang persoalan yang tidak jelas.⁴⁸ Martin Descombe pula menyatakan bahawa melalui kaedah temubual, maklumat dan penilaian yang mendalam akan diperolehi.⁴⁹ Melalui kaedah ini penyelidik boleh memilih individu atau kumpulan individu terbaik yang terlibat secara langsung dengan anggota dewan fatwa serta aktiviti bimbingan di KEMENAG dan PERSIS, yang mana para pakar hukum tersebut boleh memberikan maklumat secara jelas dan terperinci.

Melalui kaedah temubual, data utama berupa hukum-hakam pelaksanaan ibadat haji dan juga masalah bimbingan ibadat haji yang dijalankan ke atas para ahli jawatankuasa dan para ustaz serta anggota institusi KEMENAG mahupun anggota PERSIS diperolehi secara lengkap. Mengikut Nasution, dalam temubual mengandungi maksud untuk mengetahui secara lengkap apa yang ada dalam fikiran responden.⁵⁰ Pada satu sudut yang lain, tujuan mengadakan temubual ialah untuk mengkonstruksi mengenai orang, kejadian, peristiwa, organisasi, perasaan, motivasi, tuntutan dan keprihatinan.⁵¹ Metode temubual (*interview method*) akan banyak digunakan dalam bab 4 dan 5.

3. Metode Analisis Data

Semua data sama ada berbentuk tulisan atau rekod mentah yang telah pengkaji kumpulkan kemudian dianalisis berdasarkan tujuan penyelidikan. Seterusnya membentuk kesimpulan-kesimpulan yang singkat. Bagi membuat kesimpulan, proses analisis data berpedoman kepada beberapa teknik data kualitatif. Adapun teknik analisis data ialah dengan menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komparatif.

⁴⁸ Gall, M.D., *Educational Research An Introduction* (New York: Longman, 1996), 201.

⁴⁹ Martin Descombe, *The Good Research Guide* (Buckingham: Open University Press, 1998), 36.

⁵⁰ Nasution, *Penelitian Kualitatif Naturalistik* (Bandung: Jemmar, 1985), 73.

⁵¹ Yvonna S. Lincoln dan Egon G.Guba, *Naturalistic Inquiry* (Beverly Hills: Sge Publication, 1985), 266.

Kaedah induktif ialah cara menganalisis data melalui pola berfikir yang pembuktiannya dicari menerusi perkara-perkara yang bersifat khusus lalu menghasilkan kesimpulan yang umum.⁵²

Analisis induktif digunakan atas beberapa alasan, iaitu: pertama, proses induktif lebih merupakan kenyataan-kenyataan berganda pada data yang ditemukan; kedua, analisis induktif dapat membuat hubungan-hubungan antara peneliti dengan responden menjadi *eksplisit* dan dapat dikenal; ketiga, analisis ini dapat menghuraikan data secara penuh; keempat, analisis induktif dapat menemukan pengaruh bersama yang dapat mempertajamkan hubungan-hubungan; dan terakhir, analisis ini dapat memperhitungkan nilai-nilai *eksplisit* sebagai sebahagian daripada struktur kajian.⁵³ Kaedah induktif digunakan oleh pengkaji dalam bab 2 dan 4.

Adapun metode deduktif, iaitu satu cara menganalisis melalui cara berfikir yang mencari pembuktian dari dalil yang bersifat umum untuk sampai kepada perkara yang bersifat khusus.⁵⁴ Pengkaji menggunakan kaedah ini dalam bab 3 dan 5.

Manakala metode komparatif ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan melalui data-data yang diperoleh. Kaedah ini digunakan dalam bab 3 dan 5.

1.9 SISTEMATIKA PENULISAN

Kajian ini mengandungi enam bab perbahasan. Bab pertama merupakan pendahuluan kepada tesis ini. Bab ini mengandungi beberapa sub topik perbahasan, iaitu: pengenalan,

⁵² Peter A. Angeles, *A Dictionary of Philosophy* (London: Harper and Row Publishers, 1981), 132.

⁵³ Lexy J. Moleong, *Methodologi Penelitian* (Bandung: Rosda Karya, 2000), 5.

⁵⁴ Peter A. Angeles, *A Dictionary of Philosophy*, 55.

latar belakang masalah, masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, hipotesis, skop kajian, ulasan terhadap karya terdahulu, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan.

Bab kedua menghuraikan masalah haji dan sejarah perlaksanaannya di Indonesia. Ia mengandungi beberapa sub topik huraian iaitu: haji dan dasar perlaksanaannya dalam Islam, Haji dan Kesedaran Sejarah, sejarah haji di Indonesia yang meliputi sejarah awal pelaksanaan ibadat haji Indonesia, haji sebelum abad ke-20, dan penyelenggaraan haji di Indonesia semenjak sebelum dan sesudah kemerdekaan.

Bab ketiga membicarakan masalah *ikhtilāf* hukum ibadat haji mengikut pendapat *fuqahā* mazhab. Ianya mengandungi sub topik perbincangan, iaitu membicarakan masalah hukum kontradiktif ibadat haji dan umrah yang meliputi niat *īhrām* dari *mīqāt*, hukum *rāmāl* dan *ittibā'* pada tawaf dan *sa'i*, hukum *sa'i* selepas tawaf *ifādah*, hukum melaksanakan wuquf di Arafah, hukum dan waktu melontar jamrah, hukum menyembelih *hadyu* haji tamattuk dan qiran, hukum melaksanakan umrah sunat sesudah haji tamattuk dan qiran, hukum badal haji dan umrah serta hukum wanita datang haid sebelum selesai tawaf umrah tamattuk.

Manakala bab keempat pula membahaskan masalah ijtihad dan *ikhtilāf* hukum Islam antara KEMENAG dan PERSIS. Ia mengandungi beberapa perbahasan iaitu ijtihad dalam sorotan, ulama dan konsepsi ijtihad, teori ijtihad, metode ijtihad dalam pembinaan hukum Islam, landasan pemikiran *fiqh ikhtilāf* dan hukum bermazhab, KEMENAG dan *istinbāt* hukum, hubung kait antara organisasi Nahdlatul Ulama, KEMENAG dan mazhab Syafii, PERSIS dan *istinbāt* hukum serta hubung kait antara organisasi PERSIS, KBIH PERSIS dan mazhab Wahabi.

Bab kelima merupakan perbahaasan mengenai perbezaan isu-isu hukum ibadat haji antara Kementerian Agama dan Persatuan Islam. Ianya mengandungi sub topik huraian iaitu: menghuraikan isu perbezaan hukum ibadat haji antara KEMENAG dan organisasi PERSIS, yang meliputi masalah *mīqāt makānī*, *ramal* antara *Şafā* dan *Marwah*, *sa‘i ba‘da ṭawāf ifādah*, tarikh keberangkatan jemaah haji tamattuk ke Mina, waktu wuquf di Arafah, waktu melontar jamrah, *hadyu* haji tamattuk dan qiran, umrah sunat sesudah haji tamattuk dan qiran , badal haji dan umrah, solat empat puluh waktu di masjid Nabawi dan menziarahi makam nabi di Madinah.

Bab keenam adalah rumusan dan penutup. Ianya mengandungi rumusan dan analisis kajian, saranan dan cadangan termasuklah cadangan kajian lanjutan.